

"DAN lahirlah di antara kamu seorang pemimpin yang akan diberi nama Mahathir dan lahir jugalah di antara kamu penentang-penentangannya".

Lebih kurang demikianlah agaknya tertulis dalam azali mengenai Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad.

Mahathir dilahirkan dalam bulan Jamadilakhir bersamaan 20 Disember, 1925 di Kampung Seberang Perak, Alur Setar, Kedah, anak bongsu kepada pasangan pendidik yang terkenal di zamannya.

Apabila meningkat umur remaja, semasa seseorang insan itu masih memerlukan kekuatan sokongan kasih sayang ibu bapa, bapanya telah meninggal dunia dan diikuti oleh kematian ibunya kemudian kelak.

Semasa Perang Dunia Kedua, pelajarannya terencat dan terus mencuburi diri dalam perniagaan menjual buah-buahan dan membuka kedai minuman. Ketika itu berniaga bukanlah satu-satu pilihan utama di kalangan Melayu.

Dengan tekad dan azam yang kuat, Mahathir telah melanjutkan pelajarannya di bidang kedokteran dan bercita-cita menjadi pakar bedah. Selepas berkecimpung begitu lama mengubat penyakit, ada penyakit yang lebih besar yang perlu diubati.

Orang-orang yang diubatinya adalah rata-rata Melayu miskin dan akibat daripada dampingannya secara rapat dengan pesakit-pesakit ini timbullah kesedaran betapa aibnya bangsanya dalam semua segi. Dengan demikian teretuslah hasrat untuk membela.

Dr. Mahathir turut sama menentang Malayan Union secara penyertaan dan dengan penulisan-penulisan yang tajam dalam akhbar-akhbar Melayu dan Inggeris

perubahan-perubahan juga semakin hebat. Perubahan yang paling awal ialah tindakannya menyesuaikan waktu Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak. Yang kecoh ialah sistem pengangkutan yang memang tidak ada sistem.

Tindakan ini telah memberi kesan yang jauh terutama kepada umat Islam di Semenanjung di segi menunaikan sembahyang subuh, meningkatkan mutu kerja di kalangan kakitangan kerajaan dan memenuhi kehendak dasar penerapan nilai-nilai Islam. Tindakan ini diikuti dengan mewajibkan merakam waktu kerja dan menggunakan tanda nama.


Saya diberitahu semasa itu, Datuk Musa tidak bersetuju dengan arahan menggunakan tanda nama dan mereka berdua telah bertegang leher selama dua jam berdebat baik buruknya.

Mulai daripada ini, Dr. Mahathir telah mengumumkan tidak kurang daripada 20 dasar dan konsep baru yang hendak dilaksanakan oleh kerajaan pimpinannya. Dengan jelas dan tegas beliau mengemukakan halacara baru ke arah mencapai matlamat menjadikan negara ini negara yang bertamadun tinggi, bermaruah dan disegani oleh dunia. Inilah "vision"nya.

Ketika itu beliau mempunyai tiga hala tindakan untuk mencapai matlamat ini dengan cepat. Untuk menegakkan maruah negara supaya tidak dianggap oleh dunia Malaysia negara boleh diperkecil-kecilkan dan berhubung sambil-lewa dengannya, beliau bertindak mengambil dan membawa balik institusi-institusi industri yang berpusat di London ke tanahair.

Pada katika itu, kumpulan tenaga pengurusan yang terdapat di negara ini cukup untuk mentadbir dan mengurus institut tersebut. Sebagai negara yang baru merdeka, Malay-

Oleh
Ibrahim Wahab



MAHATHIR
SEORANG PEMIMPIN
BERNISI

korupsi yang memerlukan bukti untuk diambil tindakan.

Dengan wujudnya ekonomi yang buruk dengan sendirinya semua penyelewenan dan mereka yang korap mula dapat dikesan dan diambil tindakan undang-undang.

Apakah pelajaran darinya? Dr. Mahathir berkata, "ini menunjukkan, kalau diberi peluang, orang akan menipu."

Beliau pernah berkata, bahawa mengikut sejarah dunia, ketamadunan sesuatu negara adalah berlandaskan kewibawaan atau *character* rakyatnya. Lemah kewibawaan rakyat maka lemahlah negara. Dengan demikian seseorang pemimpin mestilah menanamkan sifat-sifat amanah dan disiplin diri kepada rakyatnya semenjak mereka kecil lagi.

Ada hujah menyatakan jikalau hendak mengubah sifat-sifat rakyat sesuatu bangsa itu akan memakan masa berabad-abad, Dr. Mahathir mengakui memang susah tetapi bukan mustahil.

Di peringkat yang lebih luas, Dr. Mahathir berkata, dunia telah berubah secara mendadak. Kedaulatan negara semakin pupus dan tidak mempunyai makna lagi. Teknologi negara-negara maju meningkatkan pengeluaran dan mengurangkan

bilan belas masih diikuti. Dengan demikian pihak pentadbirlah yang perlu mendapat perubahan. Pemimpin-pemimpin pentadbiran mestilah didedahkan kepada cara dan pengetahuan pengurusan yang mutakhir hingga timbul ungkapan-ungkapan *par excellence* dan *matlalat zero defect* dalam pentadbiran.

Dasar Pertanian Negara telah digubal begitu rupa supaya estet dan perusaftaan kecil diwujudkan di luar bandar. Dengan demikian akan wujud pula pusat-pusat pertumbuhan atau bandar-bandar lengkap dengan semua kemudahan di peringkat daerah.

Vision Dr. Mahathir ialah untuk menjadikan Malaysia negara yang bertamadun tinggi, bermaruah dan disegani oleh dunia

Rakyat diajar menghargakan masa. Masa mestilah dikaitkan dengan peningkatan pengeluaran dan seterusnya mesti pandai menilaikan wang supaya wujud *the monetised society*. Perdana Menteri sentiasa menggesa rakyat supaya bekerja kuat, tekun dan sabar. Sifat-sifat ini lama-kelamaan akan membawa kejayaan. Rakyat tidak digalak mengharapkan subsidi oleh kerana ke-

birkan kerajaan di mana rakyatnya berbilang kaum dan againa tetapi masih mengeluarkan kenyataan-kenyataan yang sempit apabila timbul isu-isu berkaitan pentadbiran agama.

Dalam tahun lima puluhan dulu, Dr. Hamka pernah memberi contoh cara pentadbiran Islam. Katanya apabila Pakistan merdeka pada tahun 1945, pelacur-pelacur di negara itu telah memungut 13,000 rupee sebagai sumbangan mereka kepada kerajaan baru yang kekurangan wang.

Ulama-ulama Pakistan telah bersidang dan memutuskan wang tersebut digunakan untuk membina tandas Masjid Negara.

Mungkin contoh-contoh seperti inilah di sebalik gesaan Dr. Mahathir supaya kita mempelajari politik.

Sebelum Perdana Menteri berlepas keluar negeri untuk bercuti selepas pembedahan baru-baru ini, beliau menyatakan syukur keadaan ekonomi negara telah pulih dan meningkat teguh.

Sekembalinya, tumpuan pandangannya ialah untuk menguatkan lagi keadaan UMNO.

Sebelum ini UMNO telah berkecai dan pada tahun 1983 lagi beliau mengingatkan berlakunya rebutan kuasa dan kepentingan diri akan memecah-belahkan UMNO. Bahkan beliau meramalkan ketika itu UMNO akan berpecah dua jikalau rebutan kuasa tidak dihentikan. Nyata tidak siapa yang mepedulikan nasihatnya itu.

Kemudian beliau berkata, perpecahan berlaku dalam UMNO ialah kehendak ahli-ahlinya sendiri dan tiada siapa yang boleh menahannya.

Dengan adanya hasrat orang Melayu memperkuat UMNO sekarang ini mengikut jumlah ahlinya sekarang, tumpuan mestilah diberi untuk mengemas dan memperkuat

membongkarkan isu-isu yang men-cengkam bangsanya. Dalam tahun-tahun lima puluhan lagi beliau sudah terkenal sebagai Dr. UMNO

Pilihanraya 1964 merupakan peluang beliau menyuarakan pendapat-pendapat apabila dipilih menjadi ahli Parlimen kawasan Kota Star Selatan. Di Parlimenlah beliau mendapat gelaran "Ultra" dengan hujah-hujah yang tajam dan dengan bahasa yang tidak ber-selindung. Beliau sendiri mengaku bahawa kelemahan beliau ialah beliau suka berterus-terang. Ada yang tidak senang dengan sikap beliau berterus-terang ini.

Dalam pilihanraya 1969, beliau kalah. Ini diikuti dengan tindakan parti menyingkirkan beliau daripada menjadi ahli. Dalam masa dua tahun tersisih daripada parti beliau menghasilkan buku yang penuh kontroversi Dilema Melayu yang terus diharamkan oleh kerajaan. Tetapi kemudiannya popularitinya meningkat dengan mendadak.

Pada tahun 1972, beliau diterima kembali menjadi ahli UMNO. Pada tahun 1973 dilantik menjadi ahli Dewan Negara. Pada pilihanraya 1974 menang tanpa bertanding di Kubang Pasu, dan terus dilantik menjadi Menteri Pelajaran. Pada tahun 1975 beliau dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri.

Pada bulan Syaaban bersamaan bulan Jun 1981 beliau telah dipilih sebagai Presiden UMNO dan pada 13 Ramadan bersamaan 16 Julai, 1981 beliau menjadi Perdana Menteri Negara Malaysia yang keempat.

Hampir sembilan tahun sekarang ini Datuk Sri Dr. Mahathir telah memegang teraju pemerintah. Beliau membuat banyak perubahan. Tindak balas menentang

sia tidak mampu menunggu lama untuk menyediakan tenaga mahir.

Tindakan kedua ialah untuk mengukuhkan ekonomi negara dan yang ketiga ialah untuk menjayakan Dasar Ekonomi Baru dan pengagihan pendapatan yang setimpal dan saksama.



Ketika Dr. Mahathir mengambil alih teraju pemerintah ekonomi negara semakin lembab akibat resesi di seluruh dunia. Pada tahun 1985, pertumbuhan ekonomi negara kurang daripada kosong peratus. Syarikat-syarikat mula muflis satu demi satu.

Dalam satu temuramah beliau berkata beliau tidak bimbang dengan keadaan ekonomi ini. Beliau yakin dengan pentadbiran dan pengurusan yang cekap semua masalah boleh diatasi.

Ketika Dr. Mahathir mengangkat sumpah jawatan, beberapa skandal kewangan berlaku. Beliau ketika itu seolah-olah hampa kerana tidak dapat mengatasi penyelewengan dan

kegunaan komoditi. Pasaran dunia adalah *buyers market*.

Dengan demikian Malaysia mesti menjadi negara perindustrian untuk menyesuaikan dengan keadaan yang ada. Malaysia mesti bergerak dalam rangka perubahan ini baik di segi ekonomi mahupun politik. Malaysia mesti bersaing.

Pengeluaran Proton Saga lebih bertujuan menyediakan asas ke arah perindustrian. *Spin-off* daripada perusahaan kereta nasional ini akan mencetus ciptaan dan pemikiran-pemikiran baru di segi teknologi tinggi. Begitu juga matlamat dasar penswastaaan dan persyarikatan Malaysia selain daripada mengurangkan beban kewangan kerajaan.

Untuk membawa Malaysia yang berasaskan pertanian kepada negara perindustrian, sifat dan sikap rakyat mesti berubah. Mentaliti kampung dan rakyat petani dan tembok-tembok pemikiran sedia ada perlu diroboh dan diubah.

Dr. Mahathir mendapati cerdik pandai masih menggunakan teori-teori lapuk. Masalah-masalah pembangunan dalam abad-abad kesem-



UPACARA pembukaan rasmi kilang kereta Nasional dan upacara pelancaran Proton Saga oleh Dr. Mahathir, Perdana Menteri Malaysia pada 9 Julai 1985.

rajaan tidak lagi mampu memberi subsidi.

Kebangkitan Islam sepatutnya menyatupadukan rakyat tetapi sebaliknya memecah-belahkan orang Melayu yang menimbulkan perasaan bimbang dan curiga di kalangan rakyat bukan Islam.

Puncanya ialah terlalu ramai penafsir dan ini mengelirukan rakyat Islam. Dengan demikian rakyat hendaklah didedahkan dengan apa juga pengetahuan dan isi kandungan Al-Quran dan hadis sebenarnya melalui kuliah, seminar dan persidangan-persidangan di peringkat wilayah dan antarabangsa.

Ayat-ayat suci, hadis dan firman-firman digunakan untuk mencemuh-cemuh sesama umat. Masih ada rakyat yang terikut-ikut. Masih ada yang mementingkan rupa daripada isi.

Sekarang ini terdapat pengikut-pengikut golongan dakwah yang menggunakan Islam menderhaka terhadap ibu bapa, menyekat pelajaran anak-anak dan menolak nasihat Jabatan Kesihatan supaya bayi diberi suntikan-suntikan yang perlu hingga mengakibatkan kematian bayi. Pada hal semenjak tahun tujuh puluhan lagi negara Malaysia sudah terkenal dengan kecekapan dan mutu kesihatannya di seluruh dunia.

Di segi politik, Datuk Sri Dr. Mahathir ingin supaya rakyat belajar berpolitik. Apabila beliau membuat pengumuman itu ramai ahli politik sendiri tidak menyedari banyak lagi yang perlu diketahuinya untuk menjadi wakil rakyat. Pentadbiran politik atau politik mentadbir negara majmuk seperti di Malaysia perlu dipelajari dan disedari. Ramai ahli politik yang pandai mengambil contoh Nabi dan Rasul berjaya mentad-

kannya lagi dan adalah menjadi tanggungjawab beliau untuk menguruskan hal UMNO mengikut kehendak ahlinya itu. Beliau hanyalah hamba UMNO dan hamba rakyat. Tidak lebih dari itu.

Ada dua sifat Dr. Mahathir yang kita nampak dengan jelas. Pertama ialah keyakinan beliau terhadap apa jua yang dinyatakannya. Beliau yakin semua dasar yang diumumkankannya akan membawa kebaikan. Beliau yakin kejayaan dalam semua bidang mengikut perancangan. Jikalau tidak tercapai seratus peratus, untuk permulaan 25% pun merupakan kejayaan. Beliau yakin *common sense* berjaya menyelesaikan apa jua masalah. Beliau yakin kebersihan, daripada kebersihan tandas, kebersihan bandar akan membawa kepada kebersihan berfikir dan amalan.

Kedua ialah sifat beliau yang tidak berganjak daripada pendiriannya. Beliau *consistent* dalam segala perbuatan dan kenyataan. Daripada hujah-hujahnya dalam Parlimen semenjak tahun 1964, dalam bukunya "Dilema Melayu," "Menghadapi Cabaran" hinggalah kepada pengubalan dasar-dasar seperti Dasar Antartika, tidak berubah daripada pendirian asasnya.

Dalam tahun 1982 lagi beliau telah menyatakan keyakinannya bahawa jikalau jalan raya dapat dibina menghubungkan Bukit Fraser, Genting Highlands dan Cameron Highlands, ia akan membuka berbagai peluang ekonomi kepada rakyat dan negara.

Mungkin, sebelum *vision* ini menjadi kenyataan, satu tentangan yang lebih hebat akan berlaku. Tentangan dan halangan bukanlah perkara baru kepada Dr. Mahathir Mohamad.